

29 OCT 2003

MAHATHIR-JUJUR/I

KEJUJURAN MAHATHIR AKAN DIRASAI KEHILANGANNYA, KATA AHLI PERNIAGAAN UTAMA AS

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- "Apa yang saya akan paling terasa ialah kehilangan kejujurannya," kata seorang ahli perniagaan utama AS apabila ditanya apa yang akan paling dirasai apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara pada hari Jumaat ini.

"Saya tidak pernah mempunyai soalan ketika berada bersama dengan PM itu," kata Ernest Z Bower, presiden US-Asean Business Council, Inc.

Bercakap pada Bernama di luar sidang Kemuncak Pemimpin APEC baru-baru ini di Bangkok, beliau berkata, dalam sesuatu hubungan, adalah "selesa untuk mengetahui kedudukan anda dengan rakan kongsi anda."

Katanya, apabila Dr Mahathir marah mengenai sesuatu, beliau akan benar-benar marah "dan apabila beliau suka mengenai sesuatu, beliau menyembunyikan perasaannya."

US-Asean Business Council itu, katanya, telah dapat menjalin hubungan yang sangat akrab, kandid dan perniagaan yang praktikal dengan perdana menteri sejak beberapa tahun itu.

Bower serta anggota Gabungan Perniagaan AS-APEC telah membuat pertemuan ringkas dengan Dr Mahathir ketika sidang APEC Bangkok dan perdana menteri sekali lagi menunjukkan pendekatan praktikalnya terhadap perniagaan.

"Kami akan kehilangan kepimpinan seperti itu yang praktikal, secara langsung dan jujur," kata Bower.

Menurutnya, ini adalah kerana mesyarakat perniagaan "sukakan sesuatu yang boleh dijangka dan kestabilan dan ia menyukai satu kepimpinan yang boleh membuat keputusan jitu."

Malaysia, kata Bower, dikendalikan oleh "seorang pemimpin yang menguruskan negara ini seperti seorang CEO (ketua pegawai eksekutif)."

Dr Mahathir kadang kala dikatakan sebagai CEO Malaysia Diperbadankan.

"Kami merasakan kepimpinan seperti itu mudah untuk dibawa berbincang mengenai perniagaan," kata Bower, sambil menjelaskan bahawa beliau juga merasa bulis mengenai Malaysia di bawah kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri sekarang ini.

Katanya, perniagaan Amerika menikmati kejayaan di Malaysia dan Amerika Syarikat adalah pelabur terbesarnya.

"Kami rasa Malaysia akan maju ke hadapan dengan perdagangan bebas dengan AS dalam tempoh beberapa tahun akan datang," katanya.

Malaysia, kata Bower, sedang bergerak ke arah integrasi serantau di dalam Asean dan sebuah anggota yang baik Kawasan Perdagangan Bebas Asean "kecuali sektor automotif."

"Arah tuju (ekonomi) Malaysia kelihatan bagus untuk perniagaan kerana ia stabil. Ia penyumbang yang baik bukan sahaja kepada pertumbuhan Asean tetapi juga kepada hubungan Asean-China."

Ketika ditanya mengenai kritikan keras sekali-sekala yang dibuat Dr Mahathir, Bower berkata, secara peribadi, beliau berharap kritikan perdana menteri itu mengenai AS dan perkara-perkara yang dirasakannya salah dapat dikongsi secara peribadi dan pada peringkat diplomasi.

"Tetapi beliau (Dr Mahathir) adalah seorang yang sentiasa yang meluahkan apa yang difikirkannya," katanya.

"Perniagaan (masyarakat perniagaan) sentiasa mencuba untuk memahami bahawa bukannya beliau mempunyai prasangka buruk mengenai AS tetapi (kerana) beliau mempunyai kepercayaan yang jelas mengenai arah tuju negaranya," katanya.

Dengan itu, Bower berkata, kedua-dua pihak (Malaysia dan AS) masih

boleh bekerja bersama, terutama bagi jangka masa panjang, dan ini datang daripada kejujuran.

"Ini terbukti daripada hakikat bahawa AS tidak pernah mengalami "mimpi buruk" dalam pelaburannya atau hubungannya dengan Malaysia," katanya.

Ekoran timbulnya perasaan sensitif yang muncul selepas mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia di Cancun dan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam di Putrajaya, Bower berkata, US-Asean Business Council telah mendapatkan nasihat dari perdana menteri mengenai cara-cara mengendalikan perkara sensitif itu dan Dr Mahathir menyatakan beliau sentiasa menyokong dengan teguh hubungan AS-Malaysia.

Nasihat Dr Mahathir kepada mereka ialah "perlu sentiasa berhubung, untuk berkomunikasi, fokus kepada dasar-dasar yang akan membantu mengurangkan kemiskinan dan cuba berhubung dengan mereka yang tidak mempunyai peluang-peluang itu."

"Katanya jika kita tidak berupaya melakukan dengan jayanya, kita akan membina jambatan kepercayaan," kata Bower. -- BERNAMA

SHO SHY AHM